

# Penerapan Kreativiti di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Mata Pelajaran Jawi : Kajian Rintis

Wan Marzuki bin Wan Ismail

Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang  
Pahang, Malaysia  
wanmarzukiey@gmail.com

Hafizoah binti Kassim

Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang  
Pahang, Malaysia  
hafizoah@ump.edu.my

Munira binti Abdul Razak

Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Pahang  
Pahang, Malaysia  
munira@ump.edu.my

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi guru tentang kreativiti di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), mengenal pasti tahap kefahaman mereka terhadap Elemen Merentas Kurikulum (EMK) kreativiti di dalam Jawi seperti yang terkandung di dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) serta apakah permasalahan berkaitan yang dialami semasa menjalankan sesi PdP di dalam menerapkan elemen tersebut. Kaedah penyelidikan “Survey” digunakan untuk mengumpul data. Instrumen kajian yang digunakan ialah i) borang soal selidik iaitu tentang latar belakang guru, persepsi tentang kreativiti, penerapan EMK kreativiti di dalam PdP mata pelajaran Jawi dan penilaian kendiri kreativiti (ii) soalan temubual iaitu untuk mengetahui persepsi tentang kreativiti, kefahaman responden terhadap pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum kreativiti semasa mengajar Jawi serta masalah yang dihadapi di dalam melaksanakan penerapan EMK kreativiti di dalam PdP. Hasil kajian mendapati, persepsi responden terhadap kreativiti adalah positif . Begitu juga dengan tahap kefahaman mereka terhadap pelaksanaan EMK kreativiti di dalam mata pelajaran Jawi. Hasil kajian juga turut mengenalpasti beberapa masalah yang dihadapi di dalam melaksanakan penerapan elemen tersebut kepada murid-murid.

Kata Kunci : Kreativiti, Elemen Merentas Kurikulum (EMK), Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Jawi

**Abstract:** The research aims to identify the perceptions of teachers about creativity in teaching and learning, their level of understanding in Elements Across the Curriculum (EMK) creativity in Jawi as embedded in the Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) and what issues related sustained during teaching and learning session in infusing the element. Research methods "Survey" is used for data collection. The instruments used are i) questionnaires consist of, the background of teachers, their perception about creativity, implementation of EMK creativity in teaching and learning sessions, and their self-assessment in creativity. (ii) interview questions is to find out their perception about creativity, their understanding and the problems faced in carrying out the implementation of EMK creativity in Jawi's teaching and learning session. The study found that teachers have a positive perception about creativity. Their level of understanding in applying the elements while

conducting the teaching and learning of Jawi is also positive . In addition, the study has identified several problems faced in the implementation of the element to the students.

**Keywords :** Creativity, Elements Across the Curriculum (EMK), Teaching and Learning, Jawi

## 1. PENDAHULUAN

Usaha memartabatkan mata pelajaran Jawi di Malaysia mendapat perhatian serius oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Komitmen ini dipandu dan dijelaskan dalam polisi khusus iaitu Elemen Merentas Kurikulum (EMK) yang menekankan kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mata pelajaran Jawi.

Arus pembangunan yang semakin pesat menjadikan kehidupan manusia pada hari ini menjadi lebih kompleks. Dunia hari ini didominasi oleh teknologi dan oleh itu inovasi-inovasi individu dan organisasi kebanyakannya berasaskan kepada kepesatan pembangunan teknologi. Ini menjadikan kreativiti, satu elemen penting bagi membawa inovasi, satu komponen kritikal dan merupakan sumber penting dalam ekonomi berasaskan pengetahuan (Robinson, 2000.). Kreativiti juga menjadi satu elemen kebergantungan hidup bagi seseorang individu disetiap peringkat masyarakat. Kepentingannya sebagai satu aset di dalam pembangunan modal insan tidak dapat disangkal lagi. Para pemimpin, ahli perniagaan, saintis, ahli sejarah, pendidik dan ahli psikologi menyatakan bahawa kreativiti sangat diperlukan untuk kelangsungan hidup penduduk di dalam sesebuah negara terutamanya dalam era globalisasi di mana perubahan, cabaran, dan persaingan sedang dan akan terus berlaku (Said & Yunos, 2008).

Sebagai contoh jika dahulu penggunaan telefon bimbit hanya sebagai alat perhubungan tetapi kini, melalui proses kreativiti ianya kini menjadi peranti pintar dan turut digunakan sebagai alat hiburan, internet, kamera, alat penyampai maklumat, memberi pandu arah perjalanan dan sebagainya.

### Definisi Kreativiti

E. Paul Torrance yang dikenali sebagai “*Father of Creativity*” dan merupakan peneraju kepada “*Torrance Test of Creativity Thinking*”(TTCT) yang digunakan diseluruh dunia menjelaskan bahawa kreativiti adalah suatu proses kepekaan terhadap masalah, sebarang kekurangan, jurang dalam pengetahuan, elemen-elemen yang tidak lengkap, ketidakharmonian dan sebagainya. Ianya juga merupakan suatu proses mengenal pasti kesukaran, mencari penyelesaian, membuat ramalan atau merangka hipotesis terhadap kekurangan yang dihadapi, menguji dan membuat ujian semula hipotesis tersebut dan membuat pengubahsuaian dan kemudian membuat pengujian semula sebelum memperolehi keputusan (Kim, 2006). Namun begitu, Torrance (1988) juga berpandangan adalah amat sukar atau mustahil untuk memberikan satu definisi yang benar-benar tepat. Ini adalah kerana ciri-ciri kreativiti itu sendiri yang infinitif serta melibatkan setiap deria yang dimiliki oleh manusia termasuklah penglihatan, pendengaran, bau, rasa dan perasaan (Said & Yunos, 2008)

Kreativiti memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan modal insan, Usaha ke arah mempertingkatkan kemahiran dalam bidang tersebut perlu diberikan perhatian. Guru memainkan peranan penting bagi menerapkan elemen tersebut di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP). Sebagai penyampai ilmu, guru perlulah memiliki kemahiran tinggi bagi melakukan transformasi menjana minda murid menjadi lebih dinamik. Menurut Morgan & Forster (1999) dalam bidang pendidikan, para pendidik dalam usaha mereka mengenal pasti pelajar yang kreatif perlu memahami apakah yang dimaksudkan dengan kreativiti. Sementara itu, Goh (1993) turut mencadangkan kefahaman mengenai konsep kreativiti penting kepada para pendidik kerana ia menyediakan satu garis panduan untuk mereka merancang, mereka dan melaksanakan program latihan khas untuk meningkatkan kreativiti pelajar (Said & Yunos, 2008).

Mempunyai kemahiran sedemikian akan menjadikan guru berada di tahap teratas. Kualiti guru sedemikian membolehkan muridnya menguasai pelbagai kemahiran lain seperti berfikir aras tinggi, penyelesaian masalah, berkomunikasi dan berkolaborasi dengan baik.

Keperluan kajian ini adalah seiring dengan dasar yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2015) yang menggalakkan penerapan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) kreativiti di dalam PdP (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui persepsi guru terhadap kreativiti, mengetahui tahap kefahaman mereka terhadap pelaksanaan penerapan EMK kreativiti di dalam mata pelajaran Jawi dan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh mereka untuk menerapkan kreativiti kepada murid.

## 2. SOROTAN LITERATUR

Budaya pemikiran kreatif merupakan faktor yang sangat penting untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang kompetitif seiring dengan peredaran zaman. Cara untuk mengatasi, menyesuaikan diri dan berjaya dalam dunia yang pantas berubah adalah dengan berfikir secara kreatif. Kemahiran tersebut wajar diberikan penekanan baik di sekolah maupun di universiti (Lumsdaine & Lumsdaine, 1995).

Sebagai negara yang pesat membangun dan berhasrat menjadi negara maju menjelang 2020, keperluan kepada kreativiti bagi rakyat Malaysia adalah lebih mendesak (Said & Yunos, 2008). Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) merupakan badan yang bertanggungjawab untuk memajukan sektor pendidikan telah memainkan peranan penting dalam membawa perubahan pendidikan di Malaysia sejak sekian lama, terutamanya penekanan kepada usaha untuk meningkatkan kemahiran kreativiti dikalangan guru dan murid. Misi Kementerian Pelajaran Malaysia ialah membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia, disamping mengembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara (Said & Yunos, 2008). El-Aasar, S. (1993) pula menjelaskan bahawa pendidikan dianggap sebagai faktor yang paling berkuasa untuk mempengaruhi kreativiti seseorang individu (Said & Yunos, 2008).

Menurut Mustapha (1995), kajian beliau terhadap kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah menjelaskan berlaku situasi guru-guru yang mengajar subjek tersebut belum menerapkan unsur KBKK secara sedar dan terancang dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Mustapha, 1995).

Kajian Che Noh (2004), berkenaan dengan Amalan Pengajaran Tilawah al-Qur'an yang tidak mementingkan kreativiti akan menyebabkan pelajar hilang minat untuk menumpukan perhatian semasa belajar (Che Noh, 2004). Ngalim (1990) turut menyarankan usaha harus dilakukan agar suasana amalan pengajaran yang kreatif dapat diwujudkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Pemilihan Jawi di dalam kajian ini kerana ianya adalah warisan peradaban Melayu yang telah lama wujud di negara kita. Namun begitu, penggunaannya sebagai medium penyebaran maklumat dan komunikasi pada hari ini semakin merosot. Kajian yang dilakukan oleh Abdul Hamid & Abdullah, (2009) menunjukkan berlaku kemerosotan terhadap penggunaan dan kemahiran tulisan Jawi, bukan sahaja dikalangan pelajar sekolah aliran biasa, bahkan pelajar sekolah agama juga tidak mempunyai kemahiran yang membanggakan dalam tulisan Jawi. Kecenderungan mereka menggunakan tulisan Jawi dalam aktiviti harian sama ada mencatat nota, menulis, membaca dan sebagainya amat rendah sekali (Abdul Hamid & Abdullah, 2009).

## 3. INSTRUMEN KAJIAN

Dua instrumen kajian yang dibangunkan oleh pengkaji digunakan di dalam kajian ini iaitu borang soal selidik dan soalan temubual separa berstruktur. Kandungan instrumen adalah seperti berikut:

a. Soal selidik mengandungi tiga bahagian iaitu :

Bahagian I) maklumat responen.

Bahagian II) terbahagi kepada dua bahagian iaitu i) item yang mengukur persepsi responden terhadap kreativiti secara umum dan ii) item yang mengukur kefahaman responden terhadap pelaksanaan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) kreativiti di dalam PdP Jawi.

Bahagian III) mengandungi item penilaian kendiri oleh responden yang mengukur tahap pengetahuan kreativiti mereka di dalam PdP.

Penggunaan borang soal selidik adalah untuk mengukur maklum balas responden bagi setiap item yang dikemukakan berpandukan kepada Skala Likert (1-5). Perincian skala tersebut adalah seperti di dalam jadual 1.

Skala	Tafsiran
1	Amat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Sederhana setuju
4	Setuju
5	Amat setuju

Jadual 1: Skala Likert

b. Soalan temubual separa berstruktur memberi fokus kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh responden dalam usaha mereka untuk menerapkan kreativiti kepada murid.

Kaedah temu bual di dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang dapat menyokong dapatan kajian yang diperolehi melalui soal selidik.

#### **4. SAMPEL KAJIAN**

Sampel kajian adalah 30 orang guru-guru sekolah rendah yang mengajar mata pelajaran Jawi di dalam daerah Kuantan yang dipilih melalui pensampelan secara rawak. Kesemua 30 orang guru ini terlibat di dalam kajian secara soal selidik manakala 7 daripada mereka telah bersetuju untuk terlibat di dalam sesi temu bual.

Demografi sampel dilihat daripada 3 faktor iaitu jantina, umur dan pengalaman mengajar. Jadual 2 menunjukkan maklumat jantina sampel responden guru perempuan adalah 66.7% ( $n=20$ ) melebihi responden guru lelaki iaitu 33.3% ( $n=10$ ).

Bagi faktor umur, sampel kajian ini telah dibahagikan kepada 6 kumpulan umur. Responden muda yang berumur diantara 25-30 tahun adalah sebanyak 13.3 % ( $n=4$ ), 31-35 tahun seramai 20% ( $n=6$ ). Kekerapan dan peratusan yang sama ditunjukkan untuk kumpulan umur 36-40 dan 41-45 tahun iaitu 23.3% ( $n=7$ ). Kumpulan umur diantara 45-50 tahun sebanyak 13.3% ( $n=4$ ) dan kumpulan umur yang paling sedikit adalah responden yang berumur 51 tahun keatas iaitu sebanyak 6.7% ( $n=2$ ). (Rujuk jadual 3)

Maklumat pengalaman mengajar dalam kajian ini digunakan untuk mengetahui tahap pengetahuan responden terhadap kreativiti di dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Bahagian ini memperincikannya kepada 5 tahap kumpulan yang signifikan iaitu, a) 1-5 tahun, b) 6-10 tahun, c) 11-15 tahun, d) 16-20 tahun dan e) 21 tahun keatas. Frekuensi kumpulan a ialah sebanyak 6.2% ( $n=2$ ), guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 6-10 tahun adalah seramai 46.7% ( $n=14$ ), 11-15 tahun pengalaman pula merekodkan 3.3% ( $n=1$ ), 16-20 tahun pengalaman adalah seramai 33.3% ( $n=10$ ) dan mereka yang mempunyai pengalaman lebih daripada 21 tahun adalah sebanyak 10% ( $n=3$ ). (rujuk jadual 4)

Demografi (Jantina)	Frekuensi	Peratus
Lelaki	10	33.3
Perempuan	20	66.7
Jumlah	30	100

Jadual 2: Frekuensi dan Peratusan Maklumat Jantina Responden

Demografi (Umur)	Frekuensi	Peratus
25 – 30 tahun	4	13.3
31 – 35 tahun	6	20.0
36 – 40 tahun	7	23.3
41 – 45 tahun	7	23.3
45 – 50 tahun	4	13.3
51 tahun ke atas	2	6.7
Jumlah	30	100

Jadual 3: Frekuensi dan Peratusan Maklumat Kumpulan Umur

Pengalaman Mengajar	Frekuensi	Peratus
1-5 tahun	2	6.2
6-10 tahun	14	46.7
11-15 tahun	1	3.3
16-20 tahun	10	33.3
21 tahun keatas	3	10.0
Jumlah	30	100

Jadual 4 : Frekuensi dan Maklumat Tahun Pengalaman Mengajar

## 5. UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Bagi mengukur kebolehpercayaan instrumen, **terdapat 28 item yang terkandung di dalam borang soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:**

- a) persepsi,
- b) penerapan EMK kreativiti di dalam PdP Jawi
- c) penilaian kendiri kreativiti.

Analisis kebolehpercayaan instrumen telah dijalankan ke atas instrumen soal selidik menggunakan analisis Cronbach's Alpha. Skor Alpha untuk item bagi ketiga-tiga bahagian item tersebut ditunjukkan di dalam jadual 5. Untuk item persepsi kreativiti, nilai *Alpha* ialah 0.869, item penerapan kreativiti di dalam PdP pula nilai Alpha adalah 0.802 dan item penilaian kendiri kreativiti adalah sebanyak 0.924. Berdasarkan kepada nilai Alpha yang diperolehi, kesemuanya mencapai tahap memuaskan untuk digunakan di dalam kajian ini (Piaw, 2009). (Rujuk jadual 5)

## 6. ANALISIS KAJIAN

Ujian ANOVA sehala telah digunakan bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan diantara tiga item iaitu

- i. persepsi responden terhadap kreativiti,
- ii. kefahaman responden terhadap pelaksanaan EMK kreativiti di dalam Jawi dan
- iii. penilaian kendiri kreativiti oleh responden.

Item-item tersebut diukur melalui perbezaan dari sudut jantina, umur dan pengalaman mengajar.

Jadual 6 menunjukkan hasil ujian ANOVA sehala bagi tujuan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan diantara jantina responden terhadap item-item yang diukur. Hasil ujian tersebut secara keseluruhannya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara jantina responden tentang persepsi mereka terhadap kreativiti, kefahaman mereka di dalam melaksanakan penerapan EMK kreativiti di dalam Jawi dan juga penilaian kendiri kreativiti.

Jadual 7 menunjukkan hasil ujian ANOVA sehala bagi tujuan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan diantara umur responden terhadap item-item yang diukur. Hasil ujian tersebut secara keseluruhannya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara umur responden terhadap persepsi mereka tentang kreativiti, kefahaman mereka di dalam melaksanakan penerapan EMK kreativiti di dalam Jawi dan juga penilaian kendiri kreativiti.

Dimensi	Nilai Alpha	Jumlah Item
Persepsi tentang Kreativiti	.869	10
Kefahaman terhadap penerapan EMK kreativiti di dalam Jawi	.802	12
Penilaian Kendiri Kreativiti	.924	6

Jadual 5 : Nilai Pekali Kebolehpercayaan Item

Dimensi	F	Signifikan
Persepsi tentang Kreativiti	.163	.690
Kefahaman terhadap penerapan EMK kreativiti di dalam Jawi	.006	.940
Penilaian Kendiri Kreativiti	.128	.723

Jadual 6: Analisis ANOVA Sehala Jantina Responden

Dimensi	F	Signifikan
Persepsi tentang Kreativiti	.147	.979
Kefahaman terhadap penerapan EMK kreativiti di dalam Jawi	.810	.554
Penilaian Kendiri Kreativiti	.437	.818

Jadual 7: Analisis ANOVA Sehala Umur Responden

Dimensi	F	Signifikan
Persepsi tentang kreativiti	.146	.963
Kefahaman terhadap penerapan EMK kreativiti di dalam Jawi	.780	.548
Penilaian Kendiri Kreativiti	.063	.992

Jadual 8: Analisis ANOVA Sehala Pengalaman Mengajar Responden

Jadual 8 menunjukkan hasil ujian ANOVA Sehala bagi tujuan mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan diantara pengalaman mengajar responden terhadap item-item yang diukur. Hasil ujian tersebut secara keseluruhannya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara pengalaman mengajar responden terhadap persepsi mereka tentang kreativiti, kefahaman mereka di dalam melaksanakan penerapan EMK kreativiti di dalam Jawi dan juga penilaian kendiri kreativiti oleh responden.

## 7. PERBINCANGAN DAN PENUTUP

Daripada data yang dikemukakan adalah jelas menunjukkan bahawa guru-guru yang mengajar mata pelajaran Jawi di sekolah rendah memberikan maklum balas yang positif tentang kreativiti. Tidak ada perbezaan yang signifikan dari aspek jantina, umur dan pengalaman mengajar terhadap persepsi responden tentang kreativiti, kefahaman mereka terhadap penerapan EMK kreativiti di dalam PdP Jawi serta penilaian kendiri kreativiti. Dapatkan ini menyokong beberapa pandangan lain yang dikemukakan oleh mereka yang yakin bahawa kreativiti merupakan kemahiran yang boleh diukur dan diterapkan di dalam PdP seperti yang dikemukakan oleh Yong (1987, 1989), Palaniappan (1989, 1994), Cropley (2001), (Kassim, 2011), Fasko (2001), Agus & Salleh (2009) (Agus & Saleh, 2009) Buntat & Mat Nasir (2011).

Disamping itu maklum balas yang diterima daripada guru-guru menerusi temu bual juga menunjukkan mereka mempunyai persepsi yang positif tentang kreativiti serta kefahaman yang baik berkenaan dengan pelaksanaan penerapan EMK kreativiti di dalam PdP. Antara beberapa maklum balas yang diterima ialah,

*“EMK merupakan pembaharuan dasar yang bagus untuk diaplikasikan di dalam P&P”*

(Guru Sekolah A)

*“Saya tahu kewujudan EMK seperti yang terkandung di dalam Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) dan mengandungi elemen-elemen seperti kreativiti, TMK dan keusahawanan”.*

(Guru Sekolah C)

*“Sebagai guru, saya menyedari kewujudan EMK di dalam KSSR antaranya melalui penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang di dalamnya terkandung elemen-elemen seperti kreativiti, keusahawanan dan TMK”.*

(Guru Sekolah D)

*“Saya menyedari kewujudan EMK kreativiti dan melaksanakan penerapan di dalam P&P”*

(Guru Sekolah F)

*“Guru perlu menghasilkan kreativiti yang boleh menarik minat murid dan saya melaksanakan penerapan EMK kreativiti di dalam mata pelajaran Jawi dan lain-lain seperti menggunakan komputer, aplikasi animasi Crazy Talk, menerapkan konsep berlumba-lumba untuk menjawab soalan dan sebagainya”*

(Guru Sekolah D)

Objektif kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh responden dalam usaha untuk menerapkan kreativiti di dalam PdP. Berdasarkan maklum balas yang diterima secara temu bual mendapati, beberapa masalah yang dihadapi oleh guru-guru adalah seperti berikut:

“Kedapatan ramai anak-anak tidak minat dengan warisan bangsa (Jawi)”  
(Guru Sekolah A)

“Kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan tiada kemudahan ICT di dalam kelas”  
(Guru Sekolah B)

“Masa yang diberikan untuk mengajar Jawi hanyalah 30 minit sahaja dan terlalu singkat untuk melaksanakan pelbagai penerapan”  
(Guru Sekolah C)

Dengan demikian, dapatlah dinyatakan bahawa guru-guru agama khususnya yang mengajar Jawi di sekolah rendah memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk membudayakan kreativiti dalam kalangan murid. Persepsi yang positif dan kefahaman yang baik menunjukkan usaha mereka bukan sekadar tertumpu kepada menyampaikan isi kandungan mata pelajaran semata-mata, malahan turut memikul tanggungjawab melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif dalam menjayakan matlamat pembangunan kreativiti dan inovasi negara (Malaysia, 2012).

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada dapatan awal kajian di bawah Geran Penyelidikan Skim Pelajar Penyelidikan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada pihak UMP, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuantan, pentadbir sekolah dan semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- [1] Abdul Hamid, F. F., & Abdullah, N. (2009). Penguasaan Tulisan Jawi dikalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan. *Jurnal Al-Tamaddun*, 4, 145–156.
- [2] Agus, A., & Saleh, M. J. (2009). Kreativiti Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. In *Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah* (pp. 1–12). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia.
- [3] Buntat, Y., & Mat Nasir, N. S. (2011). Faktor-Faktor Yang Mendorong Kreativiti Di Kalangan Pelajar, Universiti Teknologi Malaysia, *Journal of Educational Psychology and Counseling*, volume 2, 175-208 .
- [4] Che Noh, M. A. (2004). Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran : Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia, *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1), 57–72.
- [5] Fasko, D. (2001). Education and Creativity. *Creativity Research Journal*, 13(3-4), 317–327. doi:10.1207/S15326934CRJ1334\_09
- [6] Kassim, H. (2011). The Impact of Using A Multimedia Learning Tool on Mechanical Engineering Students Creativity (Unpublished doctoral thesis). University Malaysia Pahang, Kuantan, Malaysia
- [7] Morgan, S., & Forster, J. 1999. Creativity in the classroom. *Gifted Education International*, 14 (1), 29-43
- [8] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- [9] Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012) *Kreativiti dan Inovasi Elemen Merentas Kurikulum dalam KSSR*.
- [10] Kim, K. H. (2006). Can We Trust Creativity Tests ? A Review of the Torrance Tests of Creative Thinking ( TTCT ), 18(1), 3–14.
- [11] Mustapha, R. (1998). Kajian Tentang Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah *Prosiding Seminar Pendidikan Sempena Jubli Emas MPBL*.
- [12] Said, M. M. M., & Yunos, N. (2008). Peranan guru dalam memupuk kreativiti pelajar. *Jurnal Pengajian Umum*, 9, 57–72.
- [13] Tamyis, M. M., & Puteh, S. N. (2013). Tahap Keprihatinan Guru j-QAF Dalam Melaksanakan Inovasi Program Pemulihan Jawi. In IPG. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan*, (pp. (Vol. 1, No. 1)).
- [14] Yunos, N. (2008). Peranan guru dalam memupuk kreativiti pelajar. *Jurnal Pengajian Umum*, 57-7